



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PERLIS**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada calon yang memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan di bawah bagi mengisi jawatan berikut:-

1. a) **Jawatan** : Pembantu Penyediaan Makanan
- b) **Gred** : N1
- c) **Jabatan** : Pejabat DYMM Tuanku Raja Perlis
- d) **Kumpulan Perkhidmatan** : Pelaksana
- e) **Klasifikasi Perkhidmatan** : Pentadbiran & Sokongan (N)
2. **Jadual Gaji** : RM1,500.00 dan Elaun Tetap
3. **Syarat Lantikan** :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur **tidak kurang dari 18 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan;

- iii. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- iv. Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan;
- v. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam bidang berkaitan; dan
- vi. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki dua (2) **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu dan satu (1) matapelajaran lain, **Lulus** dalam subjek Matematik dan tiga (3) matapelajaran lain (sekurang-kurangnya Gred D) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Syarat-syarat Tambahan Lantikan :

- i. Keutamaan diberikan kepada anak kelahiran Negeri Perlis atau pemastautin di Negeri Perlis;
- ii. Memiliki pengalaman dalam bidang penyediaan makanan; dan
- iii. Memiliki kemahiran dalam mengendalikan peralatan dapur.

5. Taraf Jawatan : Kontrak (*Contract Of Service*)

6. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat :

Kontrak selama satu (1) tahun seperti mana yang telah dipersetujui di dalam perjanjian kontrak dan tertakluk kepada keputusan Kerajaan Negeri bagi penyambungan kontrak.

7. Deskripsi Tugas :

- i. Bertanggungjawab memilih, mengasingkan dan menerima makanan basah/ mentah dan kering mengikut arahan pegawai yang menerima bekalan makanan daripada pembekal. Menyimpan makanan dalam stor, *chiller* dan *freezer* mengikut tatacara penyimpanan serta melaksanakan pra-penyediaan makanan, pembungkusan dan membersihkan peralatan dan kawasan.
- ii. Bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas memasak dan memastikan makanan yang dimasak memenuhi kehendak Duli-Duli Tuanku.
- iii. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua jabatan dan tugas-tugas lain seperti dititahkan oleh Duli-Duli Tuanku.

8. Permohonan :

Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Permohonan Pengisian Jawatan yang boleh dimuat turun melalui laman sesawang di pautan dymm.perlis.gov.my **SAHAJA**. Borang permohonan tersebut hendaklah dikemukakan melalui emel personnel.PDYMM@gmail.com atau dihantar terus ke alamat seperti berikut :

URUSAN PENGAMBILAN KAKITANGAN
Pejabat DYMM Tuanku Raja Perlis
02600 ARAU
Perlis

Calon yang layak dan memenuhi syarat sahaja akan dipanggil untuk temuduga pada tarikh yang akan ditentukan kelak.

9. Tarikh Tutup Permohonan :

Pada 24 November 2024 sebelum jam 5.00 petang.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi pihak urusetia di talian 04-9861226.